

BERITA HARIAN

DATE: 25/12/2007

Rakyat diminta utama kepentingan negara

BH - 25/12/2007

Tuntutan sempit daripada mana-mana pihak tak perlu dilayan: PM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam mengajak rakyat Malaysia supaya sentiasa mengutamakan kepentingan negara dan mengelak diri daripada dipengaruhi atau melayan sebarang tuntutan sempit.

Dalam perutusan sempena sambutan Krismas hari ini, Perdana Menteri berkata keamanan yang dikecapi negara selama 50 tahun merdeka adalah hasil kerja keras dan rasa tanggungjawab kental semua rakyat.

"Sejak beberapa bulan lalu, pemikiran sempit dan perasaan tidak bertolak ansur yang ditonjolkan oleh kumpulan kecil (rakyat) menguji kepercayaan kita terhadap satu sama lain.

"Justeru, dalam melangkah ke de-

“ Kita sudah melihat dalam beberapa tahun ini bagaimana kasih sayang dan timbang-rasa membantu kita menghapuskan hambatan perkauman ”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

pan, kita semua mesti meyakini bahawa Malaysia adalah lebih hebat daripada segala gabungan bahagiannya," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya mengutamakan kepentingan negara agar Malaysia terus makmur menerusi keamanan dan kestabilan pada masa depan.

"Oleh itu, ketika merayakan Krismas hari ini, saya gembira mendapati rakyat Malaysia dari pelbagai anutan agama meneruskan tradisi perkongasian dan keprihatinan - sesuatu yang sudah kita amalkan sejak beberapa tahun ini.

"Sekalipun wujud pelbagai retorik, agama besar dunia, yang diamalkan di Malaysia sama-sama berkongsi ke-

percayaan sejagat. Tiada yang lebih ketara daripada kekuatan kasih sayang dan timbang rasa.

"Sesungguhnya, kita sudah melihat dalam beberapa tahun ini bagaimana kasih sayang dan timbang rasa membantu kita menghapuskan hambatan perkauman dan memahami kesulitan yang dihadapi oleh mereka yang kurang bernasib baik dan terpinggir," katanya.

Beliau juga menggesa rakyat membantu mereka yang terpaksa menyambut musim perayaan ketika menghadapi kesulitan besar, seperti mangsa banjir.

"Akhirnya, saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Menyambut Krismas," katanya. - Bernama.